

## NOTA AMALAN NO. 1/2020

### **PENJELASAN BERHUBUNG PERUNTUKAN KERUGIAN DALAM PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO.3) 2018 [P.U. (A) 251/2018] BAGI UNIT PERNIAGAAN MATA WANG ANTARABANGSA**

- 1.0 Nota Amalan ini dikeluarkan bagi memberikan panduan berkaitan pemakaian Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3) 2018 [P.U (A) 251/2018], khususnya berkaitan dengan layanan kerugian larasan bagi Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa (orang yang layak) sebelum dan selepas berkuat kuasanya P.U (A) 251/2018 ini.
- 2.0 P.U (A) 251/2018 ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2017 hingga tahun taksiran 2020.
- 3.0 Berdasarkan P.U (A) 251/2018 ini, apa-apa amaun kerugian larasan yang dialami oleh orang yang layak dalam suatu tahun taksiran dalam tempoh asas yang disebut dalam subperenggan 3(1) P.U (A) 251/2018 hendaklah dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan berkanun daripada perniagaan orang yang layak dan akaun ringgit yang layak selepas tahun atau tahun-tahun taksiran yang dikecualikan sehingga kesemua amaun kerugian larasan itu diserap.
- 4.0 Layanan cukai ke atas kerugian yang dialami oleh Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa sebelum dan selepas tahun taksiran 2017 adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Sebelum Tahun Taksiran 2017	Selepas Tahun Taksiran 2017
<b>Perintah yang Berkaitan</b>	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.12) 2007 [P.U. (A) 154/2007]	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3) 2018 [P.U (A) 251/2018]
<b>Layanan Kerugian</b>	Tiada penjelasan berhubung dengan layanan kerugian semasa dan bawa hadapan yang terbit daripada Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa bagi tempoh pengecualian mulai tahun taksiran 2007 hingga 2016.  Sehubungan dengan itu, layanan percukaian ke atas kerugian adalah berdasarkan subseksyen 44(2) dan 43(2)	Kerugian larasan yang terbit daripada Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa bagi tempoh pengecualian mulai tahun taksiran 2017 hingga 2020 hendaklah dibawa ke hadapan dan dibenarkan potongan daripada pendapatan berkanun perniagaan orang yang layak selepas tempoh pengecualian iaitu mulai tahun taksiran 2021.

	Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).	Subseksyen 44(2) dan 43(2) ACP adalah tidak terpakai bagi layanan kerugian tersebut.
--	-----------------------------------	--

5.0 Sekiranya selepas tempoh pengecualian, tiada pendapatan berkanun daripada Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa, kerugian bawa hadapan tidak dibenarkan untuk diserap daripada pendapatan berkanun selain daripada Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa.

#### 6.0 Peruntukan khas berkaitan seksyen 43 ACP

Kerugian bawa hadapan dari tahun taksiran 2018 hanya boleh dibawa ke hadapan dan diserap bagi maksud subseksyen 43(2) ACP dalam tahun taksiran 2019 hingga tahun taksiran 2025. Layanan ini juga terpakai ke atas kerugian di bawah P.U (A) 251/2018 tetapi had masa tujuh (7) tahun bermula dari tahun taksiran 2021, iaitu selepas tempoh kerugian dikuarantinkan atau diasingkan, hingga tahun taksiran 2027. Kerugian bawa hadapan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa yang tidak dapat diserap sepenuhnya selepas tahun taksiran 2027 hendaklah diabaikan.

7.0 Sehubungan dengan itu, orang yang layak yang mendapat pengecualian melalui warta yang diterbitkan di bawah perenggan 127(3)(b) ACP boleh memilih untuk menuntut pengecualian tersebut atau sebaliknya sekiranya tiada peruntukan saling eksklusif dinyatakan dalam warta tersebut.

8.0 Memandangkan P.U (A) 251/2018 ini mempunyai layanan khusus berhubung dengan kerugian larasan, maka orang yang layak hanya boleh memilih untuk memakai P.U (A) 251/2018 ini atau sebaliknya selagi mana tidak menuntut pengecualian cukai pendapatan berhubung Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa di bawah P.U (A) 251/2018 ini, pada tahun atau tahun-tahun taksiran mulai taksiran 2017 hingga 2020.

#### Contoh 1

Orang yang layak "A" telah menuntut pengecualian di bawah P.U (A) 251/2018 bagi tahun taksiran 2017. Bagi tahun taksiran 2018, A bercadang untuk menuntut pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.2) 2017 [P.U (A) 117/2017] berkaitan dengan pengecualian peningkatan pendapatan.

Walau bagaimanapun, A tidak boleh menuntut pengecualian di bawah P.U (A) 117/2017 bagi tahun taksiran 2018 kerana telah menikmati pengecualian di bawah P.U (A) 251/2018 bagi tahun taksiran 2017.

A adalah terikat dengan P.U (A) 251/2018 mulai tahun taksiran 2017 sehingga tahun taksiran 2020 dan tidak boleh lagi menuntut insentif lain. Kerugian larasan di bawah P.U (A) 251/2018 dikuarantin mulai tahun taksiran 2017 hingga tahun taksiran 2020

dan dibenarkan potongan daripada pendapatan berkanun perniagaan orang yang layak selepas tempoh pengecualian iaitu mulai tahun taksiran 2021.

### **Contoh 2**

Orang yang layak “B” memilih untuk menuntut pengecualian di bawah P.U (A) 117/2017 bagi tahun taksiran 2017 dan 2018. Bagi tahun taksiran 2019, B bercadang untuk menuntut pengecualian di bawah P.U (A) 251/2018.

Bagi tahun taksiran 2017 dan 2018, B boleh menuntut pengecualian di bawah P.U (A) 117/2017 kerana belum menikmati pengecualian di bawah P.U (A) 251/2018 dan pilihan B adalah tidak boleh batal.

Bagi tahun taksiran 2019, B boleh menuntut pengecualian di bawah P.U (A) 251/2018. Kesannya, B adalah terikat dengan P.U (A) 251/2018 ini mulai tahun taksiran 2019 sehingga tahun taksiran 2020. Kerugian larasan di bawah P.U (A) 251/2018 ini dikuarantin mulai tahun taksiran 2019 hingga tahun taksiran 2020 dan dibenarkan potongan daripada pendapatan berkanun perniagaan orang yang layak selepas tempoh pengecualian iaitu mulai tahun taksiran 2021.

### **Contoh 3**

Orang yang layak “C” memilih untuk menuntut pengecualian di bawah P.U (A) 117/2017 bagi tahun taksiran 2017. Dalam tahun taksiran yang sama, C bercadang untuk menuntut pengecualian di bawah P.U (A) 251/2018.

C tidak layak menuntut pengecualian di bawah P.U (A) 251/2018 kerana telah menuntut pengecualian di bawah P.U (A) 117/2017 bagi tahun taksiran yang sama.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

**TARIKH PENERBITAN: 17 FEBRUARI 2020**